

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 9 APRIL 2014

RUJUKAN : 6611

SOALAN:

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak kementerian untuk membina balai polis serta menambahkan bilangan anggota polis di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Sungai Asap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada permohonan dikemukakan dalam *Rolling Plan* Empat (4th *Rolling Plan*) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi Cadangan Pembinaan Balai Polis Sungai Asap, Sarawak. Walau bagaimanapun, ianya akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan PDRM dan kemampuan kewangan Kerajaan.